

Headline **Khidmat kesihatan awam menguntungkan rakyat**
Date **08 Sep 2011**
MediaTitle **Utusan Sarawak**
Section **TEMPATAN**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **37,981 / 113,943**

Language **Malay**
Page No **4**
Article Size **342 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **777**
PRValue **2,331**



Khidmat kesihatan awam menguntungkan rakyat

ALI IMRAN MOHD NOORDIN

PENYAKIT seperti malaria, demam kuning atau batuk kering kini tidak lagi menjadi ancaman besar kepada rakyat Malaysia, hasil daripada kemajuan dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan awam.

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata demikian kepada Bernama dalam satu temu bual mengenai aspirasi kementerian untuk terus menaiktaraf perkhidmatan penjagaan kesihatan awam Malaysia. Dr Noor Hisham membuka bicara dengan menjelaskan mengenai transformasi yang dilalui oleh sektor khidmat kesihatan awam serta hala tuju masa depannya dalam menampung permintaan.

"Perkhidmatan penjagaan kesihatan bukan sekadar hubungan doktor-pesakit, ia telah bertukar kepada sebuah pemacu ekonomi yang penting," katanya. Sejak merdeka, tumpuan adalah dalam menyediakan capaian yang lebih luas terhadap penjagaan kesihatan masyarakat. "Untuk memenuhi tujuan ini, kerajaan menyampaikan perkhidmatan ini menerusi sebanyak mungkin medium, khususnya di kawasan luar bandar melalui pengwujudan barisan petugas kesihatan luar bandar, khidmat doktor udara, pasukan bergerak dan pasukan kesihatan kampung," kata Dr Noor Hisham dalam menjelaskan mengenai kepelbagaian dan sejauh mana kemajuan liputan perkhidmatan kesihatan di negara ini.

Perangkaan Bank Dunia menunjukkan bahawa sehingga 2009, Malaysia merupakan negara yang paling banyak menyediakan peruntukan bagi penjagaan kesihatan mewakili

4.8 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar berbanding Thailand (4.3), Singapura (3.9), Filipina (3.8) dan Indonesia (2.4).

Hari ini terdapat lebih 3,700 kemudahan penjagaan kesihatan termasuk lebih kurang 3,500 klinik, lebih 130 buah hospital, dan banyak lagi kemudahan berkaitan dengan penjagaan kesihatan termasuk institusi-institusi perubatan, kolej-kolej perubatan, makmal dan juga Klinik 1Malaysia.

Sementara infrastruktur penjagaan kesihatan telah mencapai tahap yang agak memuaskan, tumpuan sekarang adalah dalam menambah baik kualiti perkhidmatan di semua peringkat.

"Sudah tiba masanya untuk mencari keseimbangan antara kemudahan dan kualiti perkhidmatan," kata Dr Noor Hisham dan menambah kata aspek ini sangat penting sekarang, memandangkan para pesakit semakin mengutamakan penyampaian perkhidmatan dan prestasi. Oleh itu, kementerian telah menyediakan satu rangka kerja untuk meningkatkan kualiti di semua kemudahan yang disediakan, bermula dengan mengambil dan mengekalkan doktor-doktor berkemahiran tinggi menerusi tawaran gaji yang lebih baik dan juga memikat doktor-doktor baru menyertai perkhidmatan ini.

Menurut Dr Noor Hisham buat masa ini terdapat kira-kira 8,000 orang doktor pelatih yang akan diserap masuk ke dalam perkhidmatan kesihatan. Mereka juga akan diberi peluang untuk meneruskan pengajian mereka yang kelak bakal membentuk barisan pakar masa depan.

Mengurangkan kesesakan di hospital juga merupakan sebahagian daripada pendekatan peningkatan perkhidmatan berkuali-

ti. "Sebab itulah kami memperkenalkan khidmat penjagaan harian dan daftar masuk pada hari pembedahan yang mengurangkan tempoh berada di dalam wad dan membuka peluang kepada pesakit lain.

"Selain itu, kami juga memperkenalkan penyampaian ubat-ubatan melalui pos. Ini merupakan langkah penting dalam mengurangkan kunjungan ke hospital, selain memudahkan pesakit," kata Dr Noor Hisham.

Kementerian telah mengorak langkah memulakan arah baharu -- mengkhususkan kepakaran dan menjenamakan perkhidmatannya.

"Beberapa hospital telah dipilih sebagai pusat pengkhususan. Sebagai contoh, Hospital Selayang memberikan pengkhususan perkhidmatan dalam penyakit hati dan pembedahan mikro tangan, Hospital Putrajaya dalam penyakit sistem endokrin selain bertindak sebagai Pusat Kanser Negara, dan Hospital Besar Sarawak dikhususkan dalam merawat penyakit kardiotorasik," kata Dr Noor Hisham. Yang lain termasuk Hospital Pulau Pinang yang dikhususkan untuk pembedahan kardiotorasik, plastik dan rekonstruktif, kranofasial dan imbasan Positron Emission Tomography (PET), selain Institut Jantung Negara yang khusus untuk penyakit-penyakit kardiotorasik.

"Kami mahu kekal kompetitif dalam menawarkan perkhidmatan kepada umum, dan menjadikan perkhidmatan kesihatan awam sebagai pilihan rakyat".

Mengenai tanggapan umum, hanya orang ramai sendiri yang boleh menilai perkhidmatan kesihatan awam yang disediakan.

Siti Balqis Salim, 26, yang baru-baru ini ke Hospital Putrajaya bagi pemeriksaan antenatal

berjadual, berkata pada awalnya beliau meragui perkhidmatan di hospital awam tetapi selepas beberapa kunjungan, tanggapannya berubah.

"Petugas mereka sangat mesra, saya puas hati dengan perkhidmatan yang diberikan," katanya. Lawatan ke Klinik Kesihatan Putrajaya di Presint 9 membawa pengalaman baru kepada penulis, terutama selepas mendapati golongan elit juga bertandang ke klinik ini.

Datuk Andrew Tan Koon Teck, Pengarah Urusan Ocean Pictures Sdn. Bhd, berkata ini pertama kali beliau datang ke sebuah klinik kesihatan awam.

Beliau memutuskan untuk ke klinik itu selepas banyak kali mendengar komen baik mengenai klinik itu. "Sistem di sini baik, doktor-doktor mesra dan memberikan penjelasan baik kepada pesakit. Saya puas hati," katanya dan mengesyorkan supaya maklumat perkhidmatan disediakan dalam Bahasa Melayu dan Inggeris untuk memudahkan mereka yang dari pelbagai latar belakang.

Mengenai cabaran masa depan bagi perkhidmatan kesihatan awam di Malaysia, beliau berkata ia lebih kepada penyakit dan bulan lagi infrastruktur.

Seperti negara-negara membangun lain, Malaysia juga menghadapi ancaman penyakit berjangkit (CD) dan penyakit tidak berjangkit (NCD).

Contoh CD ialah batuk kering, denggi, viral hepatitis, malaria dan HIV/AIDS sementara NCD pula adalah penyakit mental, strok, kanser, lelah, diabetes dan kecederaan kerana kemalangan. —Bernama